Masyarakat Bugis kuat pegangan agama, cintai ilmu

B/H 14/12/2011
MS 24/25.

Pembukaan masjid, SMA Bugisiah kembang syiar Islam

Misteri **Etnik**
Azrul Affandi Sobry Wartawan
Khairull Azry Bidin Jurugambar

Siri ketiga

BUGIS di Sulawesi sangat terkenal dengan pusat pengajian agama dan banyak menghasilkan kitab mengenai pelbagai cabang ajaran Islam dengan semuanya menggunakan bahasa serta tulisan Bugis. Malah, menurut kebanyakan pengkaji, Bugis adalah satu bangsa di Indonesia yang tinggi pegangan agamanya.

Justeru, penghijrahan sebahagian masyarakat itu ke Tanah Melayu bukan sekadar memberikan perubahan ketara dalam sektor ekonomi dan kepemimpinan setempat seperti yang dinyatakan dalam dua siri sebelum ini tetapi turut berjaya mewujudkan fenomena kepada perkembangan ilmu agama secara meluas ketika itu.

Antara orang Bugis yang berjaya meluaskan syiar Islam dengan pembukaan masjid di kawasannya ialah Penghulu Daeng Paduk Petta La Fabbettah Arung Pagalah di Sungai Kuali pada 1886 hingga 1921, yang kini sudah menjalani empat fasa pengubahsuaian dan masih utuh digunakan penduduk setempat.

Masjid pertama dibina atas tanah milik penghulu itu, bersebelahan dengan rumahnya lebih bertujuan untuk memudahkan beliau sentiasa berada di masjid. Tangga masjid itu pula dibuat terus menganjur di bibir tebing sungai Sengkawali yang dijadikan laluan tongkang utama dari laut menuju ke Sungai Boh.

Itu hanya sebahagian kecil sumbangan masyarakat itu di bumi Johor tetapi paling ketara ialah dengan terbinanya Sekolah Menengah Agama (SMA) Bugisiah, berhampiran kawasan Tampok Darat, yang pada awalnya didirikan sepenuhnya atas inisiatif orang Bugis di situ selepas merasakan keperluan mengadakan sebuah sekolah di kawasan penduduk masyarakat itu.

> *Ketika Mahmud datang ke kampung ini, saya baru berusia 10 tahun. Beliau mengumpulkan orang kampung dan mengajar serba sedikit mengenai bahasa Arab dan ilmu agama lainnya*
>
> **Bachok Mendoh**
> *Antara pelajar terawal*

Sekolah yang pada awalnya berkonsepkan pengajian kitab oleh guru setempat itu dibina setahun sebelum pengisytiharan kemerdekaan dan pelajar terawalnya masih aktif memberikan sumbangan kepada sistem di situ sama ada sebagai pendidik atau jemaah penasihat.

Antara pelajar terawal ialah Bachok Mendoh, 69, yang menceritakan bagaimana cadangan penubuhan sekolah itu bermula dengan kehadiran seorang guru agama dari Sulawesi, Mahmud menyampaikan ilmu agama khusus kepada orang Bugis kerana menggunakan bahasa pengantar mereka di sekitar kawasan Tampok.

"Ketika Mahmud datang ke kampung ini, saya baru berusia 10 tahun. Beliau mengumpulkan orang kampung dan mengajar serba sedikit mengenai bahasa Arab dan ilmu agama lainnya. Ketika itu kebanyakan kanak-kanak belajar di Sekolah Melayu Merlong. Kami bersekolah biasa pada sebelah pagi dan ke Sekolah Agama Merlong setiap petang.

"Dengan kehadiran Mahmud, ada aktiviti tambahan setiap malam. Kami belajar pula nasyid dan syarahan dalam bahasa Bugis. Semuanya dijalankan di surau. Pada bulan puasa, aktiviti itu dibuat dari rumah ke rumah. Bukan setakat itu, bahasa dan tulisan Bugis kami pelajari.

"Lama juga ia berjalan begitu, beberapa tahun juga sebelum beliau pulang ke Indonesia. Kepulangannya ke sana menyebabkan penduduk kampung mula terfikir untuk mewujudkan sebuah sekolah di sini (Tampok Darat) kerana terasa sayang untuk menghentikan aktiviti itu begitu saja.

"Orang yang bertanggungjawab menubuhkan jawatankuasa penaja penubuhan sekolah itu ialah ketua kampung ketika itu, Datuk Jaluk Daeng Malibok yang pernah menjadi wakil rakyat di sini. Pada awalnya, jawatankuasa berkongsi membeli sebuah tanah kampung untuk

PELAJAR dan guru bergambar di hadapan bangunan pertama Sekolah Menengah Agama Bugisiah, Tampok yang bertarikh 7 Mac 1962.

BEBERAPA pelajar melintasi depan Sekolah Menengah Agama Bugisiah, Tampok.

mendirikan sekolah.

"Usaha berterusan turut digerakkan Jaluk memohon bantuan daripada penduduk kampung untuk menyumbang kepada pembinaan sekolah setiap kali beliau memberi ceramah. Usaha paling meninggalkan kesan kepada penduduk kampung ialah permintaan supaya hasil daripada dua pokok kelapa disumbangkan kepada jawatankuasa. Dapatlah RM50 seorang, jumlah yang besar ketika itu," katanya ketika ditemui di Tampok Darat.

Tujuan utama untuk membuka sekolah agama itu lebih kepada untuk memberikan pendidikan masa depan kepada anak Bugis ketika itu yang terpaksa berjalan kaki ke sekolah sedia ada yang jaraknya sekitar lima kilometer dari kampung mereka. Permulaannya, mereka membeli sebuah rumah orang Bugis yang tidak digunakan sebagai bangunan awal sekolah itu.

Rumah itu kemudian dipindahkan ke tanah seluas dua ekar milik Daeng Mabela dan Daeng Matebak yang mewakafkannya. Seramai 20 pelajar awal mendaftar ketika itu dan semuanya anak lelaki orang Bugis.

"Sebelum kami belajar di situ, sistem pengajian sudah ada. Sejurus Mahmud pulang ke Indonesia, kami menumpang belajar di rumah Madi Saguni dan kelasnya dikendalikan oleh Abdul Majid Hashim, seorang guru agama dari Benut yang menamatkan pengajian di Sulawesi.

"Sebenarnya, masyarakat di sini sudah begitu merindui sistem pengajian ilmu agama yang dibawa oleh Mahmud. Meskipun dia sudah kembali ke negeri asalnya, Jaluk pernah mengunjunginya untuk memujuknya balik ke sini dan terus mengajar tetapi atas masalah keluarga, ia menemui kegagalan.

"Namun, kami akui kerana usaha Mahmud, ia berjaya memberikan keinginan tinggi dalam kalangan orang Bugis di sini untuk mengembangkan sistem pengajian agama dalam bahasa Bugis. Kebetulan, memang resam orang kampung begitu menyanjungi seorang guru dari luar, tambahan pula ketika itu kami begitu ketandusan guru agama.

"Kelas yang dikendalikan oleh Abdul Majid menggunakan mata pelajaran dari Sulawesi termasuk kitabnya. Ia mencakupi pelbagai aspek agama yang dipelajari dari daerah itu. Ada juga kitab dari Surabaya digunakan. Ia boleh dianggap pembelajaran tidak formal kerana tidak ada sijil tetapi selepas didaftarkan dengan jabatan agama, ia menjadi formal dan diiktiraf," tambahnya.

Selepas bangunan sekolah diperoleh, Abdul Majid kekal menjadi satu-satunya guru di situ yang terus mengendalikan kelas agama khusus untuk anak Bugis saja dan semuanya lelaki. Namun, selepas tiga tahun, jumlah pelajar makin berkurangan sehingga tinggal empat pelajar saja.

Ia disebabkan syarat utama sekolah itu yang hanya terbuka kepada masyarakat Bugis saja sedangkan jumlah mereka tidak begitu ramai. Justeru, menyedari senario itu, ia dibuka kepada sesiapa saja yang berminat dan memberi impak besar dengan kemasukan lebih ramai pelajar.

Sambutan yang luar jangkaan itu menyebabkan sekolah yang terus mengekalkan nama Bugis itu terpaksa mengambil guru tambahan dengan antara guru baru ketika itu ialah Jaafar Munri (bekas pelajar di Makkah), Tahir Falak dan Jalal (bekas pelajar di Singapura).

"Perubahan sistem itu menyebabkan bahasa pengantarnya juga ditukar kepada Bahasa Melayu. Sistem yang mengikut mata pelajaran dari jabatan agama menyediakan pelajar untuk peperiksaan Syahadah selepas menamatkan tahun keempat di sekolah itu. Peperiksaan itu untuk melayakkan pelajar memasuki Maahad.

"Alhamdulillah, empat pelajar Bugis yang kekal berjaya menamatkan pengajian sehingga tahun keempat. Dua daripadanya termasuk saya sendiri menjadi guru di sekolah ini. Saya sudah berhenti mengajar tetapi seorang lagi rakan masih terus mengajar.

"Meskipun kini sekolah ini bukan lagi untuk orang Bugis saja tetapi ia perlu diakui dimulakan oleh orang Bugis dan memberi impak kepada masyarakat setempat dengan ramai daripadanya begitu berjaya dalam lapangan masing-masing terutama berkerjaya dalam bidang agama. Di Jabatan Agama Islam Johor sendiri, begitu ramai kakitangannya adalah bekas pelajar sekolah ini," katanya lagi.

Berdasarkan pengamatan Bachok, sejak dulu lagi, orang Bugis memang terkenal dengan ketinggian ilmu agamanya dan kebanyakan mereka yang datang ke negara ini membawa bersama kitab agama dan menyebarkan dakwah secara meluas. Difahamkan, sebelum Mahmud, sudah ada beberapa tokoh agama dari Sulawesi seperti Prof Hassan Langgolong dan Tuan Guru Arafah turut singgah menyebarkan ilmu agama.

Malah, menurutnya, perubahan ketara dapat dilihat dengan kemasukan orang Bugis dari Sulawesi seperti ramai jemaah mula berminat mengunjungi surau kerana minat untuk mendengar kuliah agama. Ia bukan sekadar mengubah senario orang Bugis tetapi turut memberi kesan kepada masyarakat lain.

Antara nama besar yang berjaya hasil didikan di sekolah itu ialah penceramah terkemuka, Prof Rogayah Tibek dan bekas Ahli Parlimen Rantau Panjang, Dr Daeng Sanusi Daeng Meriok.

"Dulu, sekolah ini seperti tempat untuk pelajar yang tidak berjaya dalam peperiksaan di sekolah biasa sampai ada yang gelar ini tempat buangan. Tidak kira umur, jika gagal dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), masih diterima masuk ke sekolah ini dan perlu jalani kelas selama empat tahun. Lulus Syahadah, masuk Maahad dan berpeluang ke Mesir. Ramai yang berjaya selepas itu meskipun gagal dalam peperiksaan awam sebelumnya," katanya. – **Bersambung esok**

INFO

Perbandingan bahasa Bugis dan bahasa Melayu

- saya – iyak
- kamu – idik
- dia – alena
- minum – minung
- tidur – matindro
- main – macule
- mandi – dio
- lelaki – urane
- perempuan – makunrai
- ibu – induk
- bapa – ambok

Tulisan kaum seakan jawi, huruf tidak bersambung

"ORANG Bugis kurang bergaul dengan masyarakat lain. Oleh kerana itu jugalah agaknya tulisan kami juga tidak boleh ditulis bersambung-sambung, menyendiri seperti resam kami dulu. Ia mesti ditulis satu persatu dan setiap huruf itu mewakili satu suku kata."

Itu gambaran yang diberikan Bachok Tunderang, 65, ketika menceritakan mengenai tulisan orang Bugis. Cara beliau membuat tafsiran terhadap ciri utama tulisan itu meskipun bunyinya seperti kurang logik tetapi ada kebenarannya. Ketika kami ditunjukkan beberapa kitab agama dengan tulisan Bugis, memang nampak pelik kerana ia seperti tergantung, jauh antara satu sama lain.

Tulisan Bugis sekali pandang seperti tulisan jawi. Setiap huruf membawa bunyi satu suku kata menggunakan simbol yang sama, cuma dibezakan dengan kedudukan titik. Agak sama dengan tulisan dalam bahasa Arab yang menggunakan lambang baris atas dan bawah untuk membezakan bunyi, tulisan Bugis hanya gunakan titik.

Cuma, jika tulisan Arab boleh disambungkan antara setiap satu huruf, tulisan Bugis tidak pula begitu. Ia berdiri sendiri. Nampak seperti senang untuk dipelajari tetapi tidak ramai yang menguasainya kini. Ramai juga sebenarnya orang Bugis yang tahu membaca tulisan itu tetapi tidak ramai yang memahami dan tahu menulisnya kembali.

Seorang bekas guru yang masih mahir menulis dan membaca tulisan Bugis, Mohd Amin Abdul Patah, 58, berkata tulisan Bugis sukar untuk dicari persamaan dengan mana-mana tulisan di dunia meskipun ada yang mengatakan ia sedikit mirip dengan tulisan Tamil, namun ia sebenarnya jauh berbeza dengan karakter berlainan.

"Tulisan Bugis sebenarnya sama konsep seperti tulisan dalam jawi. Setiap satu ada bunyinya tetapi apabila ditambah titik, ia akan membawa bunyi berbeza. Ada a, ba, ta, dan seterusnya seperti tulisan jawi tetapi apabila ditambah titik, ia akan berbunyi bi, ti, ci dan pelbagai bunyi lain lagi bergantung pada kedudukan titik.

"Jadi, jika satu perkataan seperti saya, hanya gunakan dua huruf kerana satu huruf itu gunakan satu suku kata. Dulu, tulisan ini begitu popular dan digunakan secara meluas di kampung ini (Tampok Darat). Dulu, semua surat perhubungan dengan Sulawesi menggunakan tulisan itu sepenuhnya.

"Kini sudah ramai generasi keempat di sini. Penggunaan tulisan ini sudah semakin kurang. Boleh dikatakan sukar lagi mencari yang tahu membacanya. Kemahiran ini sudah terhenti pada generasi ketiga.

"Pernah ada usaha untuk mewujudkan kelas tulisan dan bahasa Bugis tetapi kurang mendapat sambutan dan tiada penggerak. Selepas kematian Datuk Jaluk, tiada lagi usaha untuk ke arah itu. Namun, mujurlah bahasa Bugis masih difahami dan aktif digunakan dalam rumah termasuk oleh golongan muda," katanya.

Kaedah tulisan Bugis meskipun nampak seperti tulisan jawi tetapi ia ditulis kiri ke kanan, sama seperti tulisan rumi. Tidak seperti tulisan jawi yang terbalik. Penggunaan bahasa dan tulisan Bugis meskipun tidak lagi popular di negara ini tetapi masih ramai menggunakan kitab dari Sulawesi yang sepenuhnya dalam tulisan Bugis untuk mempelajari ilmu agama.

Menceritakan mengenai bahasa Bugis, Mohd Amin berkata, ia agak berbeza dengan semua etnik yang lain. Makan dalam bahasa itu ialah mandri, tidak ada seakan-akan bunyi mana-mana bahasa.

"Jalan dibunyikan jokka. Melo ka jokka bermaksud, saya nak jalan. Tidak ada persamaan langsung. Dalam bahasa Bugis, nahu banyak gunakan perkataan 'la' di depan satu ayat. Ia seperti itu la Bachok. Banyak juga sebutan qalqalah yang ditambah pada penghujung perkataan. Talib disebut Talibbe... Ahmad di sebut Made.

"Nama-nama bercirikan Bugis pula seperti Induk untuk wanita, manakala lelaki pula Ambok. Ada juga Andik, Basok atau Besik dan Daeng. Selalu nama itu diletak di depan digandingkan dengan nama lain seperti Induk Chicuk. Daeng selalunya digunakan untuk keturunan berdarah bangsawan. Tidak layak orang biasa gunakan nama Daeng," katanya lagi.



MOHD Amin menunjukkan kaedah tulisan Bugis.